

## PENANAMAN ANGGUR DAN PENGARUH KEATAS KESEJAHTERAAN HIDUP MASYARAKAT DI SIK, KEDAH

(*The Influence of Grapes Planting to the Society Welfare among the Communities in Sik, Kedah*)

Rosniza Aznie Che Rose & Mohamad Afendi AR

### ABSTRAK

Penanaman anggur di Tasik Beris, Sik, Kedah telah memberi kesan terhadap kesejahteraan hidup penduduk terutamanya kesan ke atas pelancongan dan juga kesan dalam kemudahan prasarana terhadap masyarakat setempat. Aktiviti ini telah membawa perubahan yang begitu banyak ke atas penduduk tempatan iaitu dari segi adanya kemudahan asas dan kemudahan infrastruktur dan juga memberi faedah kepada penduduk setempat dari segi perubahan taraf kehidupan. Oleh itu, kajian ini penting untuk mengembangkan ilmu pengetahuan terutama yang berkaitan dengan pembangunan infrastruktur akibat penanaman anggur yang memberi kesejahteraan kepada masyarakat setempat dan juga mengenal pasti masalah yang timbul seterusnya memberikan cadangan yang sesuai untuk pihak berwajib menangani masalah tersebut. Kajian kuantitatif ini melibatkan jumlah responden sebanyak 90 orang yang melibatkan lima buah perkampungan penduduk dengan menggunakan instrumen borang soal selidik. Seterusnya hasil kutipan soal selidik dianalisis menggunakan kaedah korelasi dan analisis deskriptif. Hasil kajian mendapat aktiviti penanaman ladang anggur tersebut telah mengubah landskap penduduk tempatan ke arah kesejahteraan hidup yang lebih baik dengan wujudnya pertambahan peluang pekerjaan yang pelbagai kepada penduduk setempat, pertambahan infrastruktur yang lebih efisien, kemudahan jaringan komunikasi yang lebih baik, peningkatan akses jalan raya ke bandar-bandar besar dan juga pelbagai kemudahan yang diterima oleh penduduk sekitar kawasan kajian. Namun kesan negatif yang timbul akibat arus pembangunan dikawasan kajian haruslah ditangani dengan segera.

Kata kunci: kesejahteraan, tanaman anggur, geografi pelancongan, penduduk, korelasi, pekerja lading, landskap penduduk

### ABSTRACT

*Grapes planting in Tasik Beris, Sik, Kedah has affected the population, especially the impact to the tourism and infrastructure for local communities. This activity has giving so many changes on the local population in terms of availability of basic amenities and infrastructure facilities and also benefit the local population in terms of changes of living. Besides that, there are the negative effects from it such as so many foreigners work in the vineyard and it has drop the number of local workers working in the vineyard. The effect of early planting vineyards to see the number of local workers grew but over time the locals excluded from receiving the benefits of working in the vineyards. Therefore, this research is important to develop knowledge, especially for the infrastructure development as a result of the cultivation of vines that give prosperity to the local community and also identify the problems passing the appropriate recommendations to the authorities to deal with these problems. The quantitative*

*study involved a total of 90 respondents from five villages populated by using questionnaires instrument. The study was analyzed using descriptive analysis and correlation methods. The study found that planting vineyards have changed the landscape of the local population towards the welfare of a better life with the existence of a variety of employment opportunities to the local residents, an increase of more efficient infrastructure, ease of communications networks, better road access to city and also a range of facilities that received by residents of the study area. But the negative effects arising from the development area of study must be dealt with immediately.*

**Keywords:** wellbeing, grapes planting, tourism geography, populations, correlation, farmers, social landscape

## PENGENALAN

Ladang anggur Tasik Beris beralamat Lot 264, Kampung Ternas, Sik, Kedah merupakan salah satu ladang anggur yang terletak di mukim Sok dimana keluasan ladang anggur sekitar 4 ekar dan dianggarkan hampir 1000 pokok anggur pelbagai jenis ditanam di kawasan tersebut. Ladang anggur tersebut juga berdekatan dengan tasik Beris dan dikelilingi oleh bukit bukau yang indah pemandangan dan juga lokasi tersebut sering menjadi tumpuan pelancong dalam dan luar negara untuk melakukan pelbagai aktiviti. Pelancong juga boleh melakukan aktiviti bergambar di lokasi tasik Beris dengan menaiki bot yang disediakan.

Selain itu, terdapat juga kemudahan lain yang ada di kawasan ladang anggur tersebut seperti kemudahan tempat beristirehat, surau, tandas, chalet untuk bermalam di ladang anggur dan pelbagai lagi kemudahan yang disediakan oleh pengusaha ladang anggur bagi memudahkan pelancong melakukan aktiviti mereka. Selain kemudahan yang ada di ladang anggur, terdapat juga pengusaha lain yang menawarkan kemudahan kepada pelancong untuk menikmati panorama alam di kawasan tasik Beris tersebut seperti D' Puncak Bris Lake Resort yang menawarkan perkhidmatan seperti kemudahan penginapan, aktiviti air dan sebagainya.

Menurut Ruttan dan Hayami (1972), dalam usaha membangunkan model pertanian dalam aspek perubahan teknikal mempegaruhi perubahan dalaman lebih daripada faktor perubahan luaran yang bermula dengan pelbagai pembangunan teknologi. Adaptasi ini haruslah konsisten untuk pertumbuhan yang efisien dan kegagalan pertumbuhan ini boleh dielakkan dengan memantapkan kos yang nyata, meningkatkan kelancaran pertumbuhan ekonomi dalam sektor pertanian. Dalam usaha untuk meningkatkan produktiviti pembangunan pertanian adaptasi ekologi yang berdaya maju dalam ekonomi penting setiap negara dan juga setiap pembangunan kawasan.

## Hubungan Antara Pertanian Dan Pelancongan

Hubungan antara pertanian dan pelancongan dapat dilihat secara umum dalam perkataan agropelancongan itu sendiri yang memperlihatkan bagaimana kombinasi bidang pertanian dan pelancongan mampu bergerak seiringan dalam global semasa. Kombinasi yang berhasil ini sebenarnya membawa kepada aspek yang lain selain dari membawa keuntungan dan pelancong masuk ke kawasan pertanian tersebut. Melalui kombinasi ini jugalah, ia dapat memberikan impak positif kepada ekonomi, sosial dan komoditi serta kemudahan yang ada (Combrink et al. 2011). Berdasarkan kepada kajian yang dijalankan oleh Zunic (2011), agropelancongan secara sedar atau tidak telah mewujudkan satu implikasi yang positif dalam

mencapai pembangunan yang mapan khususnya dalam pembangunan yang bersifat hijau. Melalui penaiktarafan atau status sebagai kawasan agropelancongan, kawasan tersebut akan mempunyai nilai estetika kawasan pertanian dan kawasan hijau yang seringkali tidak atau sukar dilihat dalam kawasan bandar. Melalui kombinasi antara pertanian dan pelancongan, ia sekaligus telah membantu dalam mewujudkan kelestarian dalam pembangunan dan kawasan hijau (Byrd et al. 2012). Selain itu, Chek et al. (2005) mendapati dalam hubungan di antara pertanian dan pelancongan ini, ia sekaligus dapat membantu dalam menampung agrikultur tersebut. Pelancongan tersebut secara langsung telah membantu dalam menampung agrikultur tersebut dalam pelbagai aspek selain daripada ekonomi sahaja. Ia membantu dalam memperkenalkan kawasan tersebut serta mampu membuka mata pengunjung tentang nilai kawasan agrikultur tersebut. Penerapan nilai ini bukan sahaja akan melibatkan kepada pelancong itu sendiri, tetapi kepada pengusaha itu juga, agar dapat membantu pengusaha bersama-sama berinovasi dan bekerjasama dalam memastikan kawasan tersebut terpelihara.

Hubungan antara pertanian dan pelancongan ini juga sekaligus membuka satu peluang baru dalam menjadi modal pembangunan yang berasaskan pertanian dan pelancongan. Jika dilihat akan konsep agrikultur itu sendiri, ianya dapat memancu ekonomi setempat sekaligus membantu dalam membangunkan kawasan tersebut dengan lebih baik dari sebelumnya. Malah bukan sahaja aspek ekonomi yang terlibat, tetapi dalam aspek alam sekitar juga menjadi salah satu implikasi dalam agropelancongan ini.

Hubungan ini juga bukan sahaja melibatkan dalam pemeliharaan dan warisan semata-mata tetapi, agropelancongan ini juga mempunyai hubungan yang asas dalam membuka peluang yang baru. Peluang yang baru tersebut dapat dilihat dalam hubungan di antaranya yang memberikan kesan kepada pengusaha dan penduduk yang terlibat. Sekaligus agropelancongan ini membuka lembaran baru dalam hidup masyarakat itu sendiri.

### **Kesinambungan Agropelancongan Dan Penduduk**


Aspek utama yang ingin diperlihatkan dalam kesinambungan ini adalah lebih kepada kesan yang diterima dalam agropelancongan dan penduduk itu sendiri. Salah satu kesan yang ketara sekali adalah kemasukan pelancong ke kawasan agropelancongan (Byrd et al. 2012). Walaupun pelancongan tersebut boleh dikatakan menjadi sektor kedua dalam sektor pertanian ini, tetapi ia tidak dapat dinafikan bahawa impak tersebut adalah sesuatu yang agak besar. Kajian yang dijalankan oleh Tuck dan Gartner (2013), mendapati bahawa jumlah pelancong bertambah dalam kemasukan ke kawasan agropelancongan di Minnesota. Ladang angur yang dijalankan dalam kawasan tersebut memberikan impak yang positif kepada ekonomi setempat bukan sahaja kepada pengusaha itu sendiri tetapi kepada industri yang terlibat atau dalam erti kata lain industri hiliran itu sendiri (Allen et al. 2006). Kemasukan jumlah pelancong yang ramai memberikan pulangan yang agak lumayan bagi mereka yang terlibat. Mengambil kira ladang di Minnesota itu sendiri, ianya menyumbangkan sejumlah \$59 Juta Dolar dalam aktiviti ekonomi setempat dan membuka 3, 250 pekerjaan yang berkaitan dengan ladang angur itu sendiri. Perkara yang sama juga berlaku di ladang angur di kawasan Michigan, kawasan Utara Minnesota dan Wisconsin (Tuck & Gartner 2013, 2014a, 2014b).

Kesinambungan ini dapat dilihat khususnya dalam pertumbuhan ekonomi setempat yang mampu berinteraksi dan beradaptasi dengan keperluan dan kemahan pelancong yang datang ke kawasan tersebut (Marisson et al. 2008). Selain itu, disebabkan adanya produk tempatan yang ingin diketengahkan dalam agropelancongan tersebut, pengunjung dan

penduduk tempatan dapat berkongsi tentang kaedah, proses dalam penanaman, penuaian dan pembuatan produk utama yang diketengahkan.

### **Teori Kajian**

**Carta alir 1: Kerangka Teori Kajian**



Sumber: Ingavale 2015 (dipetik dan diubahsuai)

Berdasarkan kepada kerangka teori kajian di atas, ia menunjukkan bahawa melalui agropelancongan berpengaruh terhadap masyarakat yang akan menerima impak hasil pembangunan dan penambahbaikan infrastruktur yang dilakukan sama ada dari pihak kerajaan ataupun swasta untuk meningkatkan jumlah kemasukan pelancong dalam kawasan kajian. Menurut Ingavale (2015) untuk meningkatkan kesedaran di kalangan media massa seperti televisyen dan radio syarikat agropelancongan perlu mempromosikan perkhidmatan berunding dengan petani, agensi kerajaan, koperasi petani dan NGO. Kajian ini ingin mengkaji tentang persepsi dan kesannya terhadap masyarakat, kawasan agropelancongan dan kepada pelancong itu sendiri. Melalui rantaian seperti dalam kerangka dapat melihat penanaman anggur di Tasik Beris, Sik dapat memberikan satu keputusan ke arah kesejahteraan hidup penduduk itu sendiri. Peningkatan jumlah kemasukan pelancong di kawasan agropelancongan tanaman anggur ini dapat memberikan pulangan lumayan kepada negara dan juga akhirnya kepada masyarakat itu sendiri. Melalui dapatan kajian itu jugalah, penilaian terhadap kesejahteraan sosial ini akan diambil kira sama ada agropelancongan itu sendiri mampu untuk memberikan kesejahteraan hidup kepada penduduk dalam kawasan tersebut atau sebaliknya.

### **METOD KAJIAN**

Kajian ini menggunakan persampelan data bukan kebarangkalian iaitu dengan menggunakan kaedah persampelan berkelompok. Persampelan ini memerlukan subjek yang mempunyai ciri-ciri yang tertentu dipilih sebagai responden kajian. Pemilihan ini melibatkan kemungkinan responden yang terlibat dalam kajian ini iaitu penduduk tempatan sahaja.

*Rules Of Thumb* pula telah digunakan dalam menentukan saiz sampel kajian. *Rules Of Thumb* menjelaskan bahawa jika populasi penduduk besar, peratusan yang kecil diperlukan bagi mendapatkan sampel yang mewakili populasi (Van Belle & Millard 1998). Berdasarkan kepada *Rules Of Thumb* tersebut, sebanyak lima buah kampung yang dipilih berdekatan dengan ladang angur. Antara kampung tersebut ialah Kampung Batu Seketul Dalam, Kampung Kuala Beris, Kampung Chong, Kampung Paya Terendam, Kampung Telaga Batu. Pemilihan lima buah kampung ini dilakukan kerana ia berdekatan dengan kawasan kajian dan kawasan tersebut menerima impak yang paling tinggi. Jumlah keseluruhan penduduk kampung tersebut adalah sebanyak 902 orang. Oleh itu, berdasarkan *Rules Of Thumb* saiz sampel, jumlah responden yang terlibat dalam kajian ini adalah sebanyak 90 responden yang sememangnya berada dalam kawasan kajian.

## **HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

Berdasarkan hasil kajian mendapati kebanyakan responden terdiri daripada kaum Melayu iaitu sebanyak (84 peratus), Siam (14 peratus) dan diikuti kaum Cina sebanyak (1 peratus). Kaum Siam sebanyak (14 peratus) mewakili kampung Chong yang juga berdekatan dengan ladang angur dan seterusnya menerima impak pembangunan dikawasan tersebut. Kaum Siam yang berdekatan ladang angur juga dilihat gemar dalam aktiviti pertanian kerana kawasan kampung Chong tersebut terdapat banyak tanaman buah-buahan dan pelbagai tanaman yang berpotensi untuk dimajukan seperti tanaman kenaf, dan juga tanaman roselle. Kepelbagaiannya ini telah memberi satu kelebihan kepada masyarakat setempat dalam aktiviti pertanian kerana perkongsian idea dan pendapat dalam aktiviti pertanian seperti kaedah penanaman, cara pengurusan dan sebagainya dapat diterapkan hasil pandangan serta idea kaum yang berlainan. Hasil temubual pengkaji terhadap responden kaum Siam di kawasan kajian mendapati mereka sememangnya sudah lama menetap di kampung Chong tersebut dan mereka menjadikan pertanian sebagai sumber ekonomi utama mereka.

Kategori umur mendapati bahawa golongan umur antara 31 hingga 40 tahun paling tinggi iaitu sebanyak 29 peratus manakala umur antara 21 hingga 30 tahun sebanyak 37 peratus dimana menunjukkan golongan muda paling tinggi berada dikawasan kajian. Golongan umur antara 41 hingga 50 tahun paling sederhana iaitu sebanyak 27 peratus. Ini menunjukkan golongan muda paling ramai di kawasan kajian dan golongan ini sedikit sebanyak dapat menerima kesan pembangunan akibat wujudnya ladang angur di kawasan kajian. Selain itu golongan muda juga dapat menyumbang tenaga, idea dan inovasi untuk pembangunan di kawasan kajian. Golongan muda ini yang produktif dari pelbagai aspek termasuklah kekuatan tenaga dapat membangunkan sektor petanian dan juga ladang angur dikawasan kajian. Penglibatan golongan muda ini merupakan satu anjakan baharu yang menunjukkan bahawa mereka memilih sektor pertanian sebagai peluang pekerjaan yang mengutungkan. Penglibatan golongan muda di kawasan kajian mungkin disebabkan faktor dasar kerajaan itu sendiri dimana dasar pertanian negara yang menfokuskan prospek pertanian yang berdaya maju dan merubah pradigma masyarakat kearah pertanian adalah perniagaan. Penglibatan golongan muda dalam aktiviti pertanian seperti ladang angur ini dapat mengurangkan sedikit sebanyak jumlah pengangguran yang melanda negara.

Dari segi pekerjaan kebanyakan responden terdiri daripada penduduk kampung yang berkerja secara persendirian seperti menoreh getah, ladang angur, ladang sawit, pertanian dan berniaga. Dapatan kajian pekerjaan menunjukkan hampir 43 peratus

responden bekerja sendiri manakala golongan yang tidak bekerja menunjukkan 22 peratus dan hampir 11 peratus responden kajian adalah bekerja di sektor swasta. Kebanyakan responden tergolong dalam bekerja sendiri kerana kebanyakan responden terdiri daripada golongan penduduk kampung atau pendalaman. Kebanyakan responden bekerja sendiri seperti bermiaga dan selebihnya menceburkan diri dalam pelbagai bidang termasuklah aktiviti pertanian selain bekerja di ladang anggur. Kewujudan aktiviti penanaman anggur telah mempelbagaikan corak peluang pekerjaan kepada penduduk setempat yang ketika dahulunya penduduk hanya bergantung kepada satu pekerjaan sahaja seperti menoreh getah dan penanaman sawit, kini bidang pekerjaan tersebut telah meluas disebabkan wujudnya aktiviti penanaman anggur ini dimana ia telah mewujudkan peluang pekerjaan yang lebih besar dalam pelbagai bidang seperti perniagaan dan perkhidmatan kepada pelancong yang datang ke ladang anggur. Banyak penduduk sekitar kawasan kajian dilihat telah menceburi bidang perniagaan hasil wujudnya penanaman ladang anggur tersebut dimana mereka merebut peluang dalam menawarkan perkhidmatan sewaan bot kepada pelancong, membuka gerai makanan, menyediakan kemudahan sewaan penginapan kepada pelancong dan sebagainya.

### **Penilaian Kesejahteraan Hidup Akibat Penanaman Anggur Terhadap Penduduk Tempatan**

#### **i. Peluang pekerjaan, pendapatan dan industri hiliran**

Kebanyakan responden bersetuju dan sangat bersetuju bahawa peluang pekerjaan melibatkan penanaman anggur senang diperolehi memandangkan wujudnya penanaman anggur ini memberi peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan disekitaranya menjana pendapatan akibat wujudnya aktiviti sampingan yang berada dikawasan kajian. Persepsi positif penduduk tempatan dengan wujudnya ladang anggur terhadap peluang pekerjaan, pendapatan dan juga industri hiliran.

Pembukaan ladang anggur membawa perubahan kepada ekonomi dari segi pertambahan pendapatan penduduk menunjukkan skor min sebanyak 4.22 iaitu kebanyakan responden bersetuju bahawa pembukaan ladang anggur ini membawa perubahan yang sangat penting terhadap pertambahan pendapatan penduduk. Sebanyak 71 peratus responden bersetuju bahawa pembukaan ladang anggur ini meningkatkan pendapatan penduduk dan sebanyak 26 peratus responden memberi pendapat bahawa mereka sangat bersetuju.

Berdasarkan pemerhatian pengkaji pertambahan pendapatan penduduk akibat wujudnya ladang anggur ini sedikit sebanyak membuka peluang kepada penduduk setempat untuk menjalankan aktiviti perniagaan seperti yang telah disebutkan dalam hasil analisis sebelum ini. Contohnya terdapat *resort* serta chalet penginapan yang diusahakan terhadap penduduk kepada pengunjung yang datang di ladang anggur untuk bermalam di sekitar tasik. Banyak aktiviti pengunjung boleh lakukan apabila bermalam di chalet penginapan tersebut seperti aktiviti berkayak, menaiki bot untuk melihat keindahan sekitar tasik serta aktiviti memancing juga boleh dilakukan. Gambar dibawah menunjukkan salah satu chalet penginapan yang diusahakan penduduk tempatan untuk pelancong yang datang ke ladang anggur.

Seterusnya skor min yang tertinggi sebanyak 4.20 terhadap industri hiliran yang wujud seperti produk makanan berasaskan anggur contohnya penjualan jus anggur, jem anggur, produk kesihatan seperti sabun anggur dan juga penjualan benih anggur. Sebanyak 48 peratus

responden bersetuju bahawa pembukaan ladang anggur ini menyebabkan industri hiliran turut meningkat dan sebanyak 37 peratus responden menyatakan bahawa mereka sangat bersetuju dalam hal ini. Manakala sebanyak 14 peratus responden menyatakan bahawa mereka tidak pasti dalam hal ini dan sebanyak 1 peratus sahaja responden menyatakan bahawa mereka tidak bersetuju. Hal ini jelas menunjukkan pembukaan ladang anggur ini membuka peluang industri hiliran untuk bertapak di kawasan kajian.

Sumber ekonomi setempat juga dikaji dalam bab ini dengan melihat sebelum dan selepas wujudnya aktiviti penanaman anggur di kawasan kajian. Dari aspek sebelum dapat dilihat wujudnya aktiviti penanaman anggur tersebut kebanyakannya responden menyatakan bahawa 36 peratus sumber ekonomi setempat semakin baik dan selepas wujudnya aktiviti penanaman anggur peratusan semakin meningkat dari 36 peratus kepada sebanyak 58 peratus. Responden turut menyatakan bahawa sumber ekonomi setempat semakin meningkat selepas wujudnya ladang anggur di kawasan tersebut dan juga dipegaruhi oleh faktor perkembangan lain seperti aktiviti pertanian dan akses jalan raya lengkap yang menghubungkan beberapa buah perkampungan.

Jadual 1: Korelasi antara pertambahan infrastruktur dan kesan kepada kesejahteraan hidup penduduk tempatan

	Kesejahteraan hidup (r)	Paras signifikan
Pertambahan infrastruktur	0.653**	0.000
P<0.01		

\*\*Korelasi signifikan pada aras 0.01(2-tailed)

Sumber: Kajian Lapangan, 2015

Daripada jadual output diatas menunjukkan nilai pekali spearman,(rs = 0.653, p < 0.01). Nilai signifikan yang ditunjukkan ialah 0.000 dimana ia lebih kecil dari aras signifikan yang ditetapkan iaitu 0.01. Pertambahan infrastruktur akibat penanaman anggur mempunyai hubungan yang signifikan terhadap kesejahteraan hidup penduduk tempatan.

Terdapat juga penduduk kampung yang mengusahakan inap desa untuk kemudahan pelancong yang datang ke ladang anggur. Pelancong boleh bermalam sementara menunggu aktiviti lain keesokan hari seperti aktiviti berkayak dan menaiki bot untuk melihat keindahan pemandangan sekitar tasik beris dan juga boleh melakukan aktiviti memancing. Selain itu, terdapat juga penduduk tempatan yang mengusahakan gerai makanan dan juga kemudahan tempat meletak kereta untuk keselesaan dan keselamatan kenderaan pelancong yang datang. Kewujudan selepas penanaman anggur ini memberikan peningkatan sumber ekonomi yang pelbagai kepada penduduk setempat untuk menjana pendapatan dan seterusnya memperbaiki kehidupan penduduk kearah yang lebih baik.

## **ii. Peningkatan Frasarana**

Pembukaan ladang anggur ini menyebabkan kemudahan awam meningkat menunjukkan jumlah min sebanyak 3.44. Hampir 56 peratus responden bersetuju dalam hal ini manakala hanya 7 peratus sahaja responden tidak bersetuju dalam hal tersebut. Kemudahan-kemudahan asas tersebut selalunya disediakan oleh kerajaan sebagai inisiatif bagi menggalakkan

pertumbuhan ekonomi setempat serta memudahkan urusan yang berkaitan berjalan dengan lancar khususnya dalam aktiviti agropelancongan ke ladang anggur. Terdapat kemudahan yang disediakan oleh syarikat atau individu yang terlibat dalam perkara ini. Walaupun ianya kemudahan yang biasa atau tidaklah sepenting bekalan elektrik dan air, tetapi ianya masih lagi berfungsi sebagai salah satu kemudahan yang mampu menyenangkan pengunjung dan memudahkan pengunjung datang ke kawasan tersebut. Ada di antara mentaliti pengunjung yang hanya melalui atau datang dan kemudian pergi kerana tiada kawasan untuk meletak kereta. Walapun permasalahan ini nampak agak picisan, tetapi ianya datang membantu dalam menggalakkan kemasukan pengunjung atau pelancong ke kawasan tersebut.

Selain itu, pembukaan ladang anggur memberi peningkatan terhadap jaringan komunikasi terhadap penduduk setempat dimana kebanyakkan responden berpendapat mereka bersetuju dalam hal ini. Perkara ini dibuktikan dengan hampir 54 peratus bersetuju bahawa pembukaan ladang anggur ini sedikit sebanyak meningkatkan jaringan komunikasi kepada penduduk setempat. Hampir kebanyakkan responden yang ditemubual secara spontan mereka menyatakan bahawa jaringan komunikasi lebih baik berbanding dahulu dimana hampir tiada rangkaian komunikasi kepada penduduk setempat. Banyak aduan penduduk menyatakan mereka bersyukur dengan kemudahan jaringan komunikasi tersebut dan mereka menyatakan hasrat serta pandangan bahawa jaringan komunikasi yang sedia ada patut dipertingkatkan kepada rangkaian 3g dimana mereka boleh membuat akses internet yang berkelajuan tinggi berbanding rangkaian sedia ada yang tidak menyokong akses internet. Selain itu, akses jalur lebar ini akan memudahkan pelancong yang datang di ladang anggur serta memberi nilai tambah kepada penduduk setempat.

### **iii. Jaringan pengangkutan**

Keadaan jalan raya semakin baik dengan kemudahan yang lengkap seperti lampu jalan raya dan juga jambatan bagi menghubungkan perkampungan yang berdekatan setelah adanya ladang anggur tersebut (54%). Sebanyak 34 peratus responden berpendapat bahawa akses jalan raya berada pada keadaan sangat baik selepas wujudnya aktiviti penanaman ladang anggur tersebut. Selain itu, responden berpendapat bahawa tidak dinafikan faktor lain juga menyebabkan berlakunya penambahbaikan dalam akses jalan raya di kawasan setempat.

## **KESIMPULAN**

Secara kesimpulannya, aktiviti penanaman ladang anggur di tasik Beris, Sik, Kedah telah memberi kesan yang sangat positif terhadap kesejahteraan hidup penduduk setempat dengan pertambahan kemudahan infrastruktur dan juga pertambahan peluang ekonomi untuk penduduk setempat. Tidak dinafikan faktor lain juga menjadi pemangkin kepada pertambahan kemudahan infrastruktur di kawasan kajian namun aktiviti penanaman ladang anggur ini sedikit sebanyak telah berjaya membawa perubahan yang sangat ketara terhadap kesejahteraan hidup penduduk. Kesan sampingan akibat daripada arus pembangunan di kawasan kajian haruslah ditangani dengan segera oleh pihak yang berwajib. Secara keseluruhan aktiviti penanaman ladang anggur tersebut telah merubah landskap kesejahteraan hidup penduduk setempat kearah yang lebih baik dengan wujudnya kemudahan asas yang semakin baik dan juga peningkatan sumber ekonomi yang mampu menjana pendapatan lumayan terhadap penduduk setempat.

## **RUJUKAN**

- Allen T. G, Gabe T. M. dan McConnon J. C. 2006. *The Economic Contribution of Agri-Tourism To The Maine Economy*. Orono: Department of Resource Economics and Policy, University of Maine.
- Byrd E. T, Canziani B, Hsieh J dan Debbage K. 2012. *Study of Visitors to North Carolina*. North Carolina: University of North Carolina Greensboro.
- Chek D, Veeck A dan Veeck G. 2005. Sustaining Production and Strengthening The Agritourism Product: Linkages Among Michigans Agritourism Destination. *Agriculture and Human Values*, Vol. 22: 225-234.
- Combrink T, Cothran C dan Bradford M. 2011. *The Arizona Wine Tourism Industry*. Arizona: The W. A. Franke College of Business.
- Ingavale D. 2015. Agri-tourism: A Bussiness Model of Agritourism Development Corporation. Indian Journal of Research, Vol. 4 (1): 76-77.
- Marrison D, Winchell D dan Orndorf M. 2008. *The Northeast Ohio Grape and Wine Economic Impact Study*. Ohio: The Ohio State University.
- Ruttan VW dan Hayami Y. 1972. *Strategies for Agricultural Development*. Agrosearch.umn.edu[28 Dis 2015]
- Tuck B. dan Gartner W. 2013. *Vineyards and Wineries in Michigan: A Status and Economic Contribution Report With Focus on Michigan Winegrapes*. Minnesota: University of Minnesota.
- Tuck B. dan Gartner W. 2014. *Economic Contribution: Vineyards and Wineries of The North*. Minnesota: University of Minnesota.
- Tuck B. dan Gartner W. 2014. *Vineyards and Wineries in Wisconsin: A Status and Economic Contribution Reports*. Minnesota: University of Minnesota.
- Van Belle G & Millard S. P. 1998. STRUTS: *Statistical Rules of Thumbs*. Seattle: Universiti Of Washington. <http://www.nrcse.washington.edu/research/struts/chapter 2.pdf> [20 Mei 2015].
- Zunic L. 2011. The Impact of Agritourism On Sustainable Development of Bosnia and Herzegovina. *Geographical Reviewed*, (44-45): 109-120.

Rosniza Aznie Che Rose, Mohamad Afendi AR  
Pusat Penyelidikan Kelestarian Sosial, Persekutaran dan Pembangunan (SEEDS)  
Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 Bangi, Selangor, MALAYSIA  
(aznie@ukm.edu.my)